

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

BNM kekal OPR 3 peratus kali kelima berturut-turut

BNM kekal OPR 3 peratus kali kelima berturut-turut



MPC pastikan dasar monetari kekal kondusif bagi pertumbuhan ekonomi mampan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan mengelakkan kadar dasar semalam (OPR) pada 3 peratus, sejajar unjuran pasaran.

+ Keputusan mengelakkan kadar penanda aras bagi kadar pinjaman dan deposit di negara ini untuk diputuskan pada mesyuarat kedua MPC BNM bagi tahun ini yang diadakan pada 6 dan 7 Mac 2024.

BNM berkata, pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung prospek inflasi dan pertumbuhan.

"MPC tetap berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri."

"MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil," katanya dalam satu kenyataan.

BNM berkata, ekonomi global terus berkembang meskipun secara sederhana, disokong permintaan dalam negeri berikutan aktiviti perdagangan bertambah baik dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan di beberapa negara terus menyokong aktiviti penggunaan.

Ia berkata, pada masa hadapan, pertumbuhan ekonomi senantau ini berkembang 3.7 peratus pada 2023 dan pertumbuhan dijangka meningkat pada 2024, didonor pemulihan eksport dan pertalianan dalam negeri yang berdaya tahan.

"Perdagangan global dijangka kukuh apabila momentum pemulihan kitaran menaik teknologi bertambah baik."

"Inflasi keseluruhan dan inflasi teras global menurun sedikit pada bulan-bulan kebelakangan ini de-

ngan pelonggaran monetari di beberapa negara mungkin berlaku pada separuh kedua tahun ini," katanya.

Bagaimanapun, BNM berkata, pendirian dasar monetari global dijangka kekal ketat pada tempoh terdekat dengan inflasi terus berada pada paras melebihi purata.

Katanya, prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, disebabkan terutama oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi sebenar lebih tinggi daripada jangkaan dan volatiliti dalam pasaran kewangan global.

Mengenai ekonomi Malaysia, BNM berkata, ekonomi negara ini berkembang 3.7 peratus pada 2023 dan pertumbuhan dijangka meningkat pada 2024, didonor pemulihan eksport dan pertalianan dalam negeri yang berdaya tahan.

Ia berkata, pertumbuhan eksport menjadi positif selepas menguncup sejak Mac 2023 dan akan terus disokong oleh perdagangan global lebih kukuh.

Katanya, ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka terus meningkat sementara pertumbuhan guna tenaga dan upah yang

berterusan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah.

"Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang terus dilaksanakan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional, serta lebih banyak pelaburan yang direalisasikan," katanya.

BNM berkata, prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta penurunan pengejalan komoditi yang lebih besar.

Sementara itu, bank pusat berkata, pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutama daripada limpaun peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan lebih giat serta pelaksanaan lebih pantas bagi projek sejia ada dan projek baharu.

Inflasi dijangka kekal sederhana
BNM berkata, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berada pada 1.5 peratus dan 1.8 peratus pada Januari 2024, trend itu selari dengan jangkaan.

Ia berkata, inflasi pada 2024 di-

jangka kekal sederhana, mencerminkan secara amny keadaan permintaan yang stabil dan tekanan kos yang terkawal.

Bagaimanapun, katanya, prospek inflasi terus sangat bergantung pada pelaksanaan dasar dalam negeri mengenai subsidi dan kawalan harga serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global.

Mengenai ringgit, BNM berkata, mata wang tempatan itu kini berada di bawah nilai saksama walaupun asas ekonomi dan prospek pertumbuhan Malaysia adalah baik.

Justeru, kerajaan dan BNM sedang menyerlasarkan tindakan untuk menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk membawa balik dan menukarkan pendapatan pelaburan asing mereka kepada ringgit.

"Langkah ini akan menyebabkan aliran masuk yang lebih besar lantas memberikan sokongan untuk nilai ringgit yang lebih kukuh.

"Pada tempoh jangka sederhana, pembaharuan struktur yang berterusan akan memberikan sokongan yang lebih berpanjangan kepada ringgit," katanya.